

## **Peraduan 2021 New Year Countdown Bersama MyDebit**

### CARA-CARA PENYERTAAN (1): Melalui WhatsApp

Langkah 1: Berbelanja minimum RM80 dalam satu resit dengan menggunakan Kad ATM MyDebit dari 5hb November 2020 hingga 31hb Disember 2020 (termasuk kedua-dua tarikh yang dinyatakan) di mana-mana cawangan Giant/Cold Storage/ Mercato yang mengambil bahagian di Semenanjung Malaysia.

Langkah 2: Jawab soalan berikut (“Soalan Peraduan”) dengan betul:-  
Hadiah Utama untuk *Peraduan 2021 New Year Countdown* bersama MyDebit adalah sebuah kereta Mazda2 SkyActiv 1.5 SDN untuk 1 pemenang.  
Betul atau Salah?

Langkah 3: Hantar penyertaan dan jawapan anda melalui aplikasi WhatsApp ke **+6012-848 3343**

- a. Taipkan butiran peribadi dan jawapan yang betul seperti berikut:-  
<Nama Penuh, No Kad Pengenalan, No Resit, Jawapan>  
*\*Nombor resit boleh didapati di bahagian bawah resit pembelian anda*  
*Contoh: Mohamad Ali, 890917075110, Inv: 10114, BETUL*
- b. Sertakan gambar resit pembelian dan slip bank (“**Bukti Pembelian**”)  
*\*Bukti Pembelian yang asal mestilah disimpan untuk tujuan pengesahan jika anda terpilih sebagai pemenang yang disenarai pendek.*
- c. Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan notis privasi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

### CARA-CARA PENYERTAAN (2): Melalui Aplikasi Whoop! (Terdapat di Android Play Store/ iOS App Store)

Langkah 1: Berbelanja minimum RM80 dalam satu resit dengan menggunakan Kad ATM MyDebit dari 5hb November 2020 hingga 31hb Disember 2020 (termasuk kedua-dua tarikh yang dinyatakan) di mana-mana cawangan Giant/Cold Storage/ Mercato yang mengambil bahagian di Semenanjung Malaysia.

Langkah 2: Daftar untuk Aplikasi Whoop! (pendaftaran untuk kali pertama sahaja).

Langkah 3: Klik pada sepanduk “Peraduan 2021 New Year Countdown Contest bersama MyDebit”.

Langkah 4: Ambil gambar Bukti Pembelian yang jelas dan simpan Bukti Pembelian untuk tujuan pengesahan jika anda disenarai pendek sebagai pemenang.

Langkah 5: Berikan jawapan yang betul untuk Soalan Peraduan dan sertakan butiran yang diperlukan.

*\*Dengan menghantar penyertaan melalui Aplikasi Whoop!, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan notis privasi dalam Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.*

### **TERMA DAN SYARAT**

Dengan menyertai Peraduan 2021 New Year Countdown bersama MyDebit (“**Peraduan**”), anda (“**Peserta**”) dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan syarat yang berikut:-

1. Peraduan ini dianjurkan bersama oleh GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd (Nombor Syarikat: 200401028527 (667035-P)) (GCHR) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (Nombor Syarikat: 200801035403 (836743-D)) [PayNet] (secara kolektif disebut sebagai (“**Penganjur**”).
2. Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk tetap atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada November 2020), mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan mestilah pemegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik (ATM) MyDebit yang dikeluarkan oleh mana-mana institusi kewangan yang menyertai MyDebit di Malaysia (“Bank Pengeluar”) [**“Peserta**”].

3. Peserta mestilah mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana Bank Pengeluar dan akaun tersebut mestilah dalam keadaan kewangan yang baik dan berstatus aktif semasa Tempoh Peraduan sehingga selesainya penebusan hadiah.
4. Individu yang disenaraikan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:-
  - a. Pekerja Penganjur [termasuk syarikat sekutu, anak syarikat atau syarikat berkaitan dengannya] serta ahli keluarga terdekat mereka [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan]; dan/atau
  - b. Wakil, pekerja dan/atau agensi pengiklanan atau agensi promosi bagi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan yang berkaitan], dan ahli keluarga terdekat mereka [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan].

### **Tempoh Peraduan**

1. Peraduan ini berlangsung dari 5hb November 2020 pada jam 12:00 pagi hingga 31hb Disember 2020 jam 11:59 malam. ("**Tempoh Peraduan**")
2. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
3. Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau membatalkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu.

### **Cara Penyertaan**

1. Berbelanja minimum RM80 dan ke atas dalam satu resit di mana-mana cawangan Giant/ Cold Storage/ Mercato yang mengambil bahagian dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran.
2. Bukti Pembelian dengan cetakan yang jelas boleh diterima sebagai penyertaan yang sah dan Peserta perlu menghantar penyertaan melalui aplikasi WhatsApp atau Aplikasi Whoop! seperti yang dinyatakan di atas. Peserta yang telah dipilih sebagai pemenang hendaklah menghantar Bukti Pembelian yang asal sebelum penebusan/penyempurnaan hadiah dapat dilengkapkan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan hadiah yang dimenangi oleh Peserta.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mestilah disertakan dengan Bukti Pembelian yang diperlukan. Setiap Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan dan/atau menolak penyertaan di mana:-
  - a. Bukti Pembelian adalah salinan pendua, salah, tidak jelas, koyak atau rosak; dan/atau
  - b. butiran yang diperlukan tidak dipenuhi, tidak lengkap, tidak layak, tidak jelas dan/atau tidak tepat.

### **Hadiah**

1. Hadiah Peraduan ("**Hadiah**"):-
  - a. Hadiah Utama x 1 pemenang – Sebuah kereta Mazda 2 SkyActiv 1.5 SDN (tidak termasuk yuran pendaftaran, cukai jalan dan insurans);
  - b. Hadiah Pertama x 2 pemenang – Sebuah TV Sharp 8K 60" setiap seorang;
  - c. Hadiah Kedua x 15 pemenang – Bawcar belanja runcit percuma untuk 2 tahun bernilai RM12,000 setiap seorang (RM500 akan diserahkan kepada pemenang pada setiap minggu pertama setiap bulan selama dua (2) tahun/24 bulan);
  - d. Hadiah Ketiga x 6 pemenang – Sebuah Honda Wave Alpha (tidak termasuk yuran pendaftaran, cukai jalan dan insurans) setiap seorang;
  - e. Hadiah Keempat x 10 pemenang – Jongkong Emas Habib Jewels 3g setiap seorang;
  - f. Hadiah Saguhati x 15 pemenang – Bawcar Giant/ Cold Storage/ Mercato bernilai RM800 setiap seorang.

### **Pemilihan Pemenang**

1. Pemilihan pemenang:-
  - a. Setiap penyertaan yang layak akan diberikan satu nombor siri.
  - b. Semua penyertaan yang layak akan tertakluk kepada proses pemilihan secara janaan komputer untuk menyenarai pendek pemenang.

- c. Pemenang-pemenang Hadiah Utama, Pertama, Kedua, Ketiga dan Hadiah Keempat akan dihubungi melalui telefon atas dasar usaha terbaik dengan percubaan maksimum sebanyak tiga (3) kali dimana dua percubaan berikutnya akan dilakukan dalam tempoh 24 jam dari percubaan pertama dan pemenang-pemenang Hadiah Saguhati akan dihubungi melalui WhatsApp. Sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi/tidak respon, nombor terendah seterusnya dari nombor siri pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekalipun jika pemenang tidak dapat dihubungi.
- d. Pemenang perlu menghantar **Bukti Pembelian** yang asal dan salinan kad pengenalan ke **2021 New Year Countdown Contest with MyDebit, No.15, Block B, Lot 756, Jalan Subang 3, 47610 Subang Jaya, Selangor** dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan atau Hadiah akan dilucutkan.

## **Penebusan Hadiah**

1. Pemenang-pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Ketiga dikehendaki menebus Hadiah mereka di tempat yang akan ditetapkan oleh Penganjur dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
2. Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua Hadiah lain akan dihantar kepada pemenang berdasarkan alamat yang diberikan oleh pemenang kepada Penganjur. Setiap pemenang adalah bertanggungjawab untuk memberikan alamat yang betul dan sah. Pemenang juga perlu memastikan kebolehsediaan untuk menerima penghantaran Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan atas penghantaran Hadiah yang lewat, salah, atau Hadiah yang tidak dituntut, di mana sekiranya berlaku keadaan tersebut, pemenang bersetuju bahawa Hadiah yang diperuntukkan akan dilucutkan.
3. Semua Hadiah adalah tertakluk kepada terma seperti dinyatakan dalam surat pengesahan/perjanjian hadiah/baucar hadiah dan bergantung kepada ketersediaan.
4. Sebarang dan/atau semua yang berkaitan dengan jaminan produk hendaklah diajukan terus kepada pengeluar dan sebarang pemulangan Hadiah oleh pemenang atas apa-apa sebab tidak akan dilayan. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang bahan promosi, iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah bertujuan untuk ilustrasi semata-mata dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah yang sebenarnya.
5. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai dan/atau dipindahmilik. Hadiah hanya akan diberikan kepada pemenang yang berjaya menyempurnakan semua kelayakan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa sebarang notis dan mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.
6. Penganjur, agensinya, pihak yang berkaitan, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan atau penyalahgunaan Hadiah, tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan berkaitan dengan Peraduan ini.
7. Pemenang perlu menebus Hadiah daripada Penganjur dalam masa **DUA (2) bulan** selepas pemberitahuan dari pihak Penganjur (melalui telefon dan/atau WhatsApp atau saluran komunikasi lain). Sekiranya pemenang gagal menebus Hadiah atau mencalonkan wakil dalam masa yang diberikan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah dan berhak untuk memberikan Hadiah tersebut kepada pemenang senarai pendek yang lain. Pemenang perlu menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/ menerima Hadiah.
8. Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka mestilah memastikan mereka perlu memberikan surat kebenaran dan salinan kad pengenalan pemenang dan juga dokumen pengenalan diri wakil tersebut untuk menebus Hadiah.
9. Peserta hanya layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
10. Sebarang kos, cukai, yuran dan/atau kos lain dan/atau perbelanjaan yang terlibat untuk menyertai Peraduan ini dan/atau untuk menebus dan/atau untuk penghantaran Hadiah (sekiranya diperlukan), adalah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta sendiri.

11. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan/atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para Peserta untuk menghubungi talian hotline Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

### **Hak Penganjur**

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat yang berkaitan tanpa sebarang bayaran royalti atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk dan tidak terhad kepada rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.
2. Penganjur berhak untuk mengesahkan kelayakan Peserta dan kelayakan akan dibatalkan sekiranya tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan ini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pembatalan kelayakan tersebut.
3. Penganjur dan kesemua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk pengarah, pegawai dan/atau ejen mereka tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:- (a) Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan dalam Peraduan ini; (b) Kesilapan manusia dan kegagalan elektronik/teknikal dalam pentadbiran Peraduan ini dan juga untuk pemprosesan penyertaan;; (c) Sebarang penyertaan yang hilang, rosak, salah dihantar atau tidak diterima; dan (d) Semua liabiliti (termasuk kematian) yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sama ada disebabkan penggunaan Hadiah dan/atau penyertaannya dalam Peraduan ini.
4. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, meminda Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini tanpa memberi sebarang notis awal. Semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat semua Peserta, sebarang surat-menyurat dan rayuan tidak akan dilayan.
5. Tanpa sebarang had pada perkara di atas, Penganjur berhak untuk melaksanakan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayai telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang mendatangkan kemudharatan kepada proses penyerahan, penyertaan atau pengendalian operasi Peraduan ini.
6. Jika atas apa sebarang sebab apapun sekiranya Peraduan ini tidak dapat berjalan seperti yang dirancang (dan tidak terhad) disebabkan seperti virus komputer, penggodoman, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa arahan kerajaan dan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan juga sebab lain yang di luar kawalan Penganjur, di mana Penganjur berhak, dalam budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan, menghentikan, meminda, atau menangguhkan Peraduan ini.
7. Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya boleh menolak dan/atau membatalkan penyertaan Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/ menggodam/ mengganggu/ memanipulasi proses penyerahan penyertaan Peraduan, pengendalian Peraduan atau melanggar Terma dan Syarat Peraduan ini.

### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

1. Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya liabiliti dan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diduga, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan untuk kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa atau kehilangan ekonomi dan lain-lain.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan, Penganjur dan/atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau kerosakan secara tidak langsung, kerugian sampingan, akibat, teladan,

atau ganti rugi khas termasuk mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) sama ada dalam perjanjian, tort, kecuaiian atau lain-lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah memaklumkan tentang kemungkinan kerugian tersebut terlebih dahulu, dan semua kerugian adalah dinafikan dengan jelas.

3. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, apa-apa arahan atau peraturan lain tentang Peraduan seperti yang dinyatakan di <https://www.giant.com.my> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
4. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa syarat yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, syarat-syarat yang terdapat dalam Terma dan Syarat di sini akan diguna pakai.
5. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

## NOTIS PRIVASI

1. Peserta mengesahkan semua maklumat yang diberikan melalui WhatsApp/Aplikasi Whoop adalah benar dan sah. Peserta bersetuju untuk memberikan hak kepada Penganjur mendapatkan akses untuk memperoleh, mengekstrak, mengesah dan/atau memanfaatkan maklumat yang diberikan pada bila-bila masa dari semasa ke semasa.
2. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama, nombor kad pengenalan (KP) dan maklumat lain **["Data Peribadi"]** untuk tujuan Peraduan ini, termasuk dan tidak terhad kepada mengumumkan dan menerbitkan Data Peribadi dan/atau gambar di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
3. Peserta juga memberi persetujuan kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Penganjur untuk tujuan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
4. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Penganjur untuk berkongsi atau mengumpulkan Data Peribadi mereka termasuk pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada ejen Penganjur atau institusi kewangan di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut diwajibkan secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta kecuali dengan cara yang dinyatakan di sini.
5. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, memperbetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan butiran peribadi daripada Penganjur. Permohonan tersebut boleh dibuat melalui email di [customersupport@dairy-farm.com.my](mailto:customersupport@dairy-farm.com.my) atau melalui pos kepada GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. Mezzanine Floor, Giant Hypermarket Shah Alam Stadium, Lot 2, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. Rujuk <https://www.giant.com.my> untuk notis penuh di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

*Untuk pertanyaan lanjut tentang Peraduan ini, sila layari [www.giant.com.my](http://www.giant.com.my) atau telefon 03-5635 1391, Isnin – Jumaat, 10 pagi – 5 petang kecuali cuti umum.*